

# Pendidikan mesti diutamakan

SAFRI ALI

**KOTA SAMARAHAN**, Sabtu — Hanya melalui pendidikan dapat dilahirkan modal insan yang mampu membantu kerajaan dalam merealisasikan segala rancangan pembangunan di negeri ini.

Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud berkata, pentingnya pendidikan telah menyaksikan kerajaan selepas kemerdekaan daripada pihak British berjaya menghapuskan sistem peperiksaan Common Entrance yang diperkenalkan oleh pihak penjajah yang hanya membenarkan 30 peratus pelajar tempatan melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah.

Menurutnya, keadaan itu menyaksikan ramai pelajar tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih

tinggi dan akibatnya negara tidak mempunyai ramai tenaga kerja mahir.


"Pendidikan merupakan asas dalam pembentukan modal insan. Sepanjang penglibatan saya dalam politik saya telah menyaksikan kemiskinan yang menyebabkan kita menangis dalam hati apabila melihat dengan sendiri betapa daifnya masyarakat di luar bandar yang sentiasa menanti pembangunan dijalankan di kawasan mereka.

"Rakyat amat berharap kepada pemimpin untuk menebus nasib mereka serta membantu membebaskan diri dari kemiskinan. Justeru, pengalaman ini menimbulkan perasaan untuk berkhidmat sebaik mungkin demi membantu mengubah nasib serta masa depan masyarakat yang begitu dahagakan pembangunan," katanya.

■ SILA LIHAT MUKA 2

Dengan pembinaan lebih banyak sekolah sama ada di bandar atau kawasan luar bandar telah menyaksikan lebih ramai pelajar mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah dan secara tidak langsung mencerminkan komitmen kerajaan untuk memastikan negara mampu untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir melalui pendidikan."

PEHIN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD  
Ketua Menteri Sarawak



PENGANUGERAHAN ... Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Salahuddin menyampaikan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kajian Pembangunan) kepada Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud (kiri) pada majlis Konvokesyen Ke-16 Unimas, di Kota Samarahan, semalam. •NORDIN MD DIAH

## Pendidikan mesti diutamakan

DARI MUKA 1

Beliau berkata demikian dalam ucapan penghargaan sempena penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kajian Pembangunan) kepada Ketua Menteri sempena Konvokesyen Ke-16 Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di DeTAR PUTRA UNIMAS di sini hari ini. Katanya, kebergantungan kepada expatriate masih kuat pada awal era selepas kemerdekaan namun usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membina lebih banyak sekolah untuk menampung bilangan pelajar yang bertambah setelah sistem common entrance dimansuhkan.

Pehin Sri Taib berkata, dengan pembinaan lebih banyak sekolah sama ada di bandar atau kawasan luar bandar telah menyaksikan lebih ramai pelajar mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah dan secara tidak langsung mencerminkan komitmen kerajaan untuk memastikan negara mampu untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir melalui pendidikan. "Penubuhan universiti awam di luar Kuala Lumpur dan Lembah Klang juga merupakan manifestasi betapa kerajaan menekankan pentingnya pendidikan kepada masyarakat demi

melahirkan modal insan yang mampu membantu kerajaan dalam membangunkan negara.

"Penubuhan UNIMAS pada 1992 turut dilihat sebagai salah satu usaha kerajaan untuk meningkatkan modal insan di Sarawak demi memenuhi permintaan pasaran semasa. Saya turut berbangga dengan pencapaian UNIMAS kerana berjaya melahirkan graduan berkualiti sejak penubuhannya 20 tahun lalu," katanya. Katanya, generasi muda masa kini adalah sangat bertuah kerana dilahirkan pada ketika negara telah merdeka dan sedang mengcapai arus pembangunan pesat, pembangunan yang dikecapi pada masa ini seharusnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan muda untuk mencapai lebih banyak kejayaan di masa hadapan.

"Mereka juga harus sedar bahawa untuk mencapai status negara maju kerajaan memerlukan lebih ramai tenaga mahir dari pelbagai bidang untuk membantgu memacu pembangunan negara dengan lebih berkesan," ujarnya. Beliau berkata, golongan muda merupakan pemimpin masa depan, justeru mereka perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang lebih tinggi, memanfaatkan peluang yang telah disediakan terutama sekali dalam bidang pendidikan demi menghadapi cabaran dalam era

realiti baru.

Menurutnya lagi, dalam era realiti baru golongan muda seharusnya dapat menempuh cabaran C.O.M.E (Change, Opportunity, Mobility and Equality) yang memerlukan golongan muda bersiap sedia untuk melakukan perubahan demi memenuhi harapan dan pembangunan negara. "Mereka mereka mesti berani untuk membuat perubahan dan juga perlu bijak untuk merebut peluang yang telah disediakan oleh kerajaan kerana potensi pada masa akan datang adalah amat cerah. Apabila menyedari banyak peluang yang disediakan oleh kerajaan, golongan ini harus juga bersedia untuk menerima konsep mobiliti dalam memilih peluang pekerjaan pada masa depan. "Untuk beralih ke industrial society generasi muda perlu menyedari bahawa pekerjaan pada masa hadapan bukan sahaja memerlukan mereka untuk bekerja di dalam pejabat bahkan luar pejabat. Inilah realiti baru yang boleh dicapai oleh generasi muda sekiranya mereka mampu menyahut cabaran C.O.M.E," katanya. Beliau percaya UNIMAS mampu untuk melahirkan generasi muda yang boleh menyahut cabaran C.O.M.E kerana universiti merupakan tempat golongan muda bejar untuk berfikir dan menimba ilmu pengetahuan.